

TARIKH: 20/9/23.  
SURAT KHABAR: Harian Metro  
MUKA SURAT: 3



WAN Roslan memberi taklimat kepada bakal pembantu rumah.



WAN Roslan (tengah) bersama wakil persatuan ibu tunggal yang mengikuti kursus menjadi pembantu rumah.



WAN Roslan



Buat masa ini, terdapat seramai 1,500 hingga 2,000 pembantu rumah tempatan berdaftar dan aktif di syarikat kami”

# Latih 5,000 amah tempatan

## Syarikat memudahkan usaha majikan untuk mendapatkan pembantu rumah warga Malaysia

Oleh Redzuan Muharam  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 5,000 warga tempatan dilatih sebagai agensi pekerjaan tempatan sejak 2017 untuk menjadi pembantu ru-

mah secara sepenuh masa dan sambilan.

Pengasas merangkap pengarah syarikat berkenaan, Wan Roslan Wan Othman, 49, berkata, individu dilatih berumur antara 18 hingga 55 tahun dan terdiri daripada pelbagai latar belakang antaranya wanita muda sudah berkeluarga,

balu, ibu tunggal dan juga lelaki.

“Kami membantu dan melatih golongan B40 di negara ini sebagai pembantu ru-

mah. “Di samping itu, kami hendak mu-

dahkan majikan daripada golongan M40 dan T20 mendapatkan pekerja tempatan bagi meringankan beban mereka.

“Buat masa ini, seramai 1,500 hingga 2,000 pembantu rumah

tempatan berdaftar dan aktif di syarikat kami,” katanya.

Wan Roslan berkata, selain peluang pekerjaan, syarikatnya turut menyediakan latihan kepada bakal pembantu rumah.

“Latihan diadakan di akademi syarikat di Dungun, Terengganu dan biasanya

mengambil masa 14 hingga 21 hari bergantung kepada kemahiran.

“Ada yang kurang daripada tujuh hari sebab kebanyakan wanita tempatan sudah mahir dan boleh buat kerja,” katanya.

Menurutnya, maklum balas diterima daripada majikan terhadap perkhidmatan pembantu rumah dibekalkan syarikatnya amat baik.

Katanya, syarikatnya kini mahu fokus kepada pemasaran dan penerangan secara dalam talian menerusi laman sosial.

“Kami juga ingin meningkatkan mutu latihan dan akademi sedia ada supaya dapat memberi lebih banyak manfaat sama ada kepada pembantu rumah mahupun majikan.

“Sasaran syarikat adalah menarik lebih ramai golongan sasaran untuk menyertai pekerjaan yang halal ini kerana kerjaya sebagai pembantu rumah mempunyai masa depan malah ada dalam kalangan mereka boleh meraih pendapatan antara RM2,500 hingga RM3,000 sebulan,” katanya.

Individu dilatih berumur antara 18 dan 55 tahun

## Malas lalui proses rumit ambil pekerja asing

Kuala Lumpur: “Saya pilih pembantu rumah warga tempatan kerana hendak beri peluang kerja kepada orang kita dan malas lalui proses rumit untuk ambil warga asing,” kata Meor Abdul Halim ketika dihubungi, baru-baru ini.

Meor, 35, berkata, dia pernah mengambil pembantu rumah warga asing sebelum ini dan kebanyakannya berurusan melalui ejen.

Bagaimanapun, katanya, khidmat ejen sebagai orang tengah bukan hanya membebaskan majikan kerana perlu membayar



Saya pernah terkena sebelum ini apabila pembantu rumah yang baru tiga bulan kerja lari walaupun diberi layanan baik”

Meor

sejumlah wang yang banyak malah segelintirnya tidak bertanggungjawab apabila pembantu rumah di bawah jagaan membuat onar.

“Awalnya saya tiada masalah untuk mengambil pembantu rumah tempatan mahupun warga asing, cuma orang luar (warga asing) banyak karenahnya.

“Nak kena bayar ejen lagi, kemudian pembantu rumah guna ejen kebiasaannya bermasalah berdasarkan pengalaman saya.

“Saya sendiri pernah terkena sebelum ini apabila pembantu rumah yang baru dua ke tiga bulan bekerja lari walaupun sudah beri layanan baik kepada mereka,” katanya.

Menurutnya, selepas hal

itu terjadi, dia ada mengadakan masalah berkenaan kepada ejen yang membawa pembantu rumah terbabit.

“Aduan saya tidak dilayan malah ejen berkenaan langsung tidak bertanggungjawab dan seolah mahu lepas tangan.

“Walhal saya sudah bayar ribuan ringgit untuk dapatkan khidmat pembantu rumah.

“Belum selesai isu berkenaan, ada dalam kalangan mereka (pembantu rumah) yang berani bekerja dengan majikan lain pula,” katanya.

Lantaran itu, Meor ambil keputusan mencari pembantu rumah dalam kalangan warga tempatan.

“Selepas apa yang berlaku, saya fikir lebih elok cari orang tempatan saja.

“Sekurang-kurangnya dia tidak boleh lari mana kerana tetap ada dalam negara.

“Dalam iklan di laman sosial pun, saya sudah letak kriteria hendakkan pembantu rumah tempatan kerana tak nak pusing kepala dan tanggung risiko lagi ambil warga asing,” katanya.